

**PEKELILING  
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH  
BILANGAN 1/2017**

---

SEMUA PENGUSAHA DAN PEMILIK KELAS LESEN TEKSI NEGERI SABAH

**PENYERAGAMAN NOMBOR PENDAFTARAN  
DAN TANDA BADAN TEKSI LUAR BANDAR  
DI NEGERI SABAH**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan arahan terkini mengenai penyeragaman nombor pendaftaran dan tanda badan Teksi Luar Bandar di Negeri Sabah.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada masa ini, kelas lesen Teksi Luar Bandar yang dikeluarkan oleh LPKP Sabah adalah merupakan kelas lesen Teksi (TX). Penggunaan Teksi Luar Bandar adalah istilah secara pentadbiran bagi kelas lesen Teksi (TX) di daerah Keningau dan Lahad Datu sahaja bagi melonggarkan beberapa syarat permohonan baharu seperti yang telah ditetapkan kepada kelas lesen Teksi (TX).
- 2.2 Antara kelonggaran yang dimaksudkan adalah had usia melesenkan kenderaan, had usia penggunaan kereta, status kewangan yang dimiliki oleh pemohon dan penggunaan meter teksi.
- 2.3 Tanda badan bagi kelas lesen Teksi (TX) dan Teksi Luar Bandar juga adalah berlainan. Tanda Badan Kelas Lesen Teksi (TX) adalah warna merah dan putih manakala Kelas Lesen Luar Bandar adalah warna putih sahaja di seluruh badan.

2.4 Mesyuarat Lembaga LPKP Sabah Bil. 1/2017 bertarikh 8 Februari 2017 telah bersetuju agar kesemua pengusaha dan pemilik bagi Kelas Lesen Teksi Luar Bandar untuk mematuhi dasar-dasar Kelas Lesen Teksi (TX) sedia ada seperti nombor pendaftaran teksi yang bermula dengan HS dan tanda badan.

### 3.0 PELAKSANAAN

Semua pengusaha dan pemilik Teksi Luar Bandar di Negeri Sabah adalah dikehendaki untuk mematuhi dan melaksanakan arahan berkaitan penetapan tanda badan merah dan putih selari dengan kelas lesen Teksi (TX) dan nombor pendaftaran teksi yang bermula dengan HS yang sedang berkuatkuasa.

### 4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Pelaksanaan penyeragaman nombor pendaftaran dan tanda badan Teksi Luar Bandar di Negeri Sabah adalah berkuatkuasa serta merta.

4.2 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, ianya akan membatalkan Pekeliling mengenainya yang sedang berkuatkuasa yang melibatkan tanda badan untuk Kelas Lesen Teksi Luar Bandar sahaja.


### 5.0 PENUTUP

10.1 Pekeliling ini hanya terpakai kepada kenderaan perdagangan di Negeri Sabah sahaja.

10.2 Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini hendaklah dirujuk kepada Ibu Pejabat LPKP Kota Kinabalu, Sabah.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
(ARELAN BIN JULIAN)

Pengarah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah  
Jabatan Perdana Menteri

Tarikh: 13 Februari 2017